

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



PETUGAS perubatan menyediakan vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya.

Mula suntik dos penggalak kedua

Suntikan untuk individu berusia 60 ke atas dan individu mempunyai sistem imun sederhana, teruk umur 12 tahun ke atas

Kuching

Sarawak akan memulakan pemberian suntikan dos penggalak Covid-19 kali kedua hari ini, kata Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Uggah berkata terdapat dua kategori penerima yang layak menerima dos itu, iaitu individu berumur 60 tahun ke atas dengan komorbiditi berisiko tinggi serta individu yang mempunyai

sistem imunisasi sederhana atau teruk berumur 12 tahun ke atas.

Beliau menggesa individu yang layak dan berminat agar menghubungi pusat vaksinasi masing-masing di klinik kerajaan, hospital swasta atau klinik swasta untuk temu janji.

"Mereka boleh mendapatkan nombor telefon pusat-pusat ini menerusi Facebook rasmi Jabatan Kesihatan Sarawak," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Uggah berkata setakat 19 April, sebanyak 1,637,167 atau 90 peratus individu yang layak di negeri ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 masing-masing.

Pada 14 April, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata individu berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai komorbiditi berisiko tinggi kini diberi pilihan untuk mendapatkan dos penggalak kedua vaksin, dengan selang masa sekurang-kurangnya empat hingga enam bulan selepas tarikh vaksin pertama dos penggalak.

Menurut Khairy, keputusan itu dibuat selepas kajian saintifik dan kajian kohort Malaysia oleh panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG), yang mendapati individu berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai komorbiditi berisiko lebih tinggi mempunyai simptom yang serius dan kematian akibat Covid-19.

Menurut Khairy, keputusan itu dibuat selepas kajian saintifik dan kajian kohort Malaysia oleh panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG), yang mendapati individu berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai komorbiditi berisiko lebih tinggi mempunyai simptom yang serius dan kematian akibat Covid-19.

16 kematian kelmarin, Pulau Pinang tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 532,317 kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun atau 15 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web CovidNow, sebanyak 1,435,586 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 40.4 peratus, sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,879,410 individu atau 92.5 peratus lengkap divaksin, manakala 2,980,286 atau 95.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Untuk populasi dewasa pula, seramai 15,991,811 individu atau 68 peratus menerima dos penggalak,

22,962,624 atau 97.6 peratus melengkapkan dos kedua, manakala 23,239,599 atau 98.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 60,923 dos vaksin diberikan kelmarin membabitkan 11,308 dos pertama, 44,100 dos kedua dan 5,515 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 69,808,665.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 16 kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan Pulau Pinang merekodkan jumlah tertinggi iaitu empat kes diikuti Kedah dan Perak masing-masing tiga kes, Johor dan Selangor masing-masing mencatatkan dua kes manakala satu kes masing-masing di Sabah dan Kuala Lumpur.



PETUGAS perubatan memberikan suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang kanak-kanak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya.

Kuala Lumpur: Sebanyak 6,968 kes baharu Covid-19 direkodkan kelmarin sekali gus menjadikan kumulatif kes meningkat kepada 4,409,202.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu sebanyak 6,936 kes membabitkan penularan tempatan manakala 32 kes lagi mendapat jangkitan dari luar negara.

"Kes yang memerlukan ra-

6,936 jangkitan tempatan, 32 lagi kes dari luar negara

watan di Unit Rawatan Rapi (ICU) ialah 97 kes (58 kes disahkan Covid-19, 39 kes disyaki; kemungkinan dan kes dalam siasatan).

"Sebanyak 63 kes memerlukan bantuan pernafasan iaitu 38 kes disahkan Covid-19, 25 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan," katanya dalam satu kenyataan media di sini,

semalam.

Menurutnya, daripada 243 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital sebanyak 119 kes adalah kategori tiga hingga lima dan 124 kes lagi kategori satu dan dua.

"Daripada jumlah kes harian dilaporkan semalam (kelmarin), kategori dua mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 4,083 kes diikuti

kategori satu (2,854 kes), kategori lima (12 kes), kategori tiga (11 kes) dan kategori empat (lapan kes).

"Daripada 31 kes Covid-19 kategori tiga hingga lima, sebanyak empat kes tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 15 kes menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak, 12 kes

menerima dos penggalak, 15 kes berumur 60 tahun dan ke atas serta 19 kes lagi mempunyai komorbid," katanya.

Katanya, tiada negeri menunjukkan penggunaan katil kes kritikal atau ICU, bukan ICU dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) melebihi 50 peratus.

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) menurun kepada 63 pesakit dengan peratusan penggunaan ventilator lapan peratus," katanya.

Tambahnya, sebanyak empat kluster baharu dikesan menjadikan 106 kluster masih aktif serta 6,999 kumulatif kluster.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

6,968 kes baharu dilaporkan

PUTRAJAYA - Jangkitan Covid-19 kelmarin mencatatkan sebanyak 6,968 kes termasuk 32 kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,409,202.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh pula merekodkan 8,267 kes dengan jumlah kumulatif sebanyak 4,283,013 kes.

"Mengikut pecahan kes harian kelmarin, kategori satu sebanyak 2,854 kes (40.96 peratus), kategori dua sebanyak 4,083 kes

(58.60 peratus), kategori tiga sebanyak 11 kes (0.16 peratus), kategori empat sebanyak lapan kes (0.11 peratus) dan kategori lima 12 kes (0.17 peratus).

"Dalam masa sama, daripada 31 kes kategori tiga, empat dan lima, empat kes (12.9 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 15 kes (48.39 peratus) telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak dan 12 kes (38.71 peratus) telah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 15 kes (48.39 per-

tus) berusia 60 tahun dan ke atas serta 19 kes (61.29 peratus) mempunyai komorbid," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebanyak 97 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 63 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, terdapat 16 kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,465 kes serta sebanyak lapan kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID sebanyak 7,505 kes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Turut mengandungi 15 modul untuk kegunaan masa depan - Khairy

MySejahtera kekal

Oleh NIZAM YATIM
nizam.yatim@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: MySejahtera tidak perlu dinyahaktif kerana terdapat banyak fungsi selain yang selalu digunakan untuk tujuan imbasan kod QR bagi tujuan pengesanan kontak rapat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, aplikasi itu

juga diguna sebagai pelaporan penilaian sendiri secara digital melalui *Home Assessment Tool* (HAT) dan dua bilion pelaporan telah dibuat sejak awal pandemik hingga sekarang.

Katanya, kalau seorang itu didapati positif mereka akan mendapat Perintah Pengawasan Kendiri (HSO) atau arahan pengasingan dan pemantauan se-

lama tujuh hari di dalam MySejahtera.

"Jadi, kalau tak ada MySejahtera macam mana kita hendak pantau keadaan mereka yang sedang mengasingkan diri di rumah dan mungkin *Utusan Malaysia* ada aplikasi yang boleh kita gunakan saya tidak pasti-lah," katanya dalam temu bual eksklusif di sini, semalam.

Menurut Khairy, beliau telah membaca tajuk muka depan *Utusan Malaysia* pada 20 April lalu yang meminta supaya nyahaktif MySejahtera dan dihapuskan kerana tidak lagi digunakan bagi mengesan kontak Covid-19 sejak Malaysia memasuki fasa peralihan kepada endemik.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

MySejahtera kekal

Dari muka 1

"Saya hendak nyatakan bahawa MySejahtera telah pun memberi maklumat yang baik kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tujuan pengesanan kontak rapat dan pada kemuncak gelombang Omicron sebagai contoh 60 peratus daripada kontak kasual yang diberi notifikasi adalah melalui MySejahtera

"Akhirnya mereka telah diuji positif dan diasingkan, tetapi tak apalah sekarang ini sudah reda Omicron, jadi *Utusan Malaysia* minta supaya MySejahtera dimasukkan dalam bakul sampah, cuma saya nak menyatakan bahawa mungkin *Utusan Malaysia* tidak sedar MySejahtera ini bukan sahaja diguna untuk tujuan imbasan kod QR tetapi juga bagi tujuan-tujuan lain," katanya.

Beliau mengulas Minda Pengarang *Utusan Malaysia* oleh Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd., Mohamad Azlan Jaafar pada 18 April lalu yang berpendapat tiba masanya rakyat membuang MySejahtera ke dalam *trash bin* dan *delete* daripada kehidupan kita selama-lamanya kerana ia tidak lagi relevan ketika negara memasuki fasa endemik.

Mohamad Azlan bimbang maklumat 38 juta data pengguna dan kira-kira 80 juta *check in* setiap hari perjalanan pengguna MySejahtera akan diguna pihak tertentu untuk tujuan pemasaran iklan atau memantau pergerakan seseorang dan itu sahaja menjadikan MySejahtera *king* sangat bernilai.

Pandangan Mohamad Azlan



KERAJAAN tidak bercadang menghapuskan aplikasi MySejahtera kerana ia akan terus berguna pada masa hadapan.

juga dipersetujui pakar-pakar kesihatan yang berpendapat tiba masa aplikasi MySejahtera dinyahaktif dan dihapuskan kerana tidak lagi digunakan bagi mengesan kontak Covid-19 sejak Malaysia memasuki fasa endemik.

Menurut Khairy, KKM dalam tempoh peralihan sekarang banyak bergantung kepada kit saringan pantas (RTK) sendiri yang dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera yang melibatkan lebih daripada 20,000 pelaporan sehari bagi mengurangkan kebergantungan kepada ujian *Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR).

Tambah beliau, terdapat 15 modul dalam MySejahtera yang telah dibangunkan dalam tempoh dua tahun yang akan terus berguna pada masa depan ketika Malaysia beralih

kepada kaedah perubahan secara digital.

"Antara modul ini adalah statistik, vaksinasi, kuarantin, pengembara, sistem tempahan, pengawasan, pengurusan tanggungan dan daftar masuk," katanya.

Mengenai kebimbangan data MySejahtera disalah guna untuk tujuan komersial, katanya, data itu hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi berkenaan dan aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik.

Malah, pihaknya juga boleh mengesan setiap log masuk mana-mana pihak bagi mengakses data MySejahtera yang disimpan di dalam *server* (pelayan) di Kuala Lumpur dan kerajaan juga diberikan kuasa untuk mengambil tindakan di mahkamah jika wujud penyalahgunaan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Dana TBP memadai bantu pesakit kronik

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Golongan tidak berkemampuan yang menghidap penyakit kronik boleh memohon Tabung Bantuan Perubatan (TBP) yang diwujudkan Kementerian Kesihatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, mereka sebenarnya tidak perlu risau kerana dana khas kerajaan itu memang diwujudkan untuk membantu kumpulan berkenaan.

"Buat masa ini, tiada tabung baharu secara khusus disediakan untuk pesakit kronik namun pertolongan disalurkan menerusi TBP," katanya di sini semalam.

Khamis lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan gesaan pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar agar diwujudkan tabung untuk kes kronik bagi membantu kalangan pesakit miskin.

Langkah itu memudahkan golongan tersebut mendapatkan rawatan di mana-mana pusat perubatan swasta tanpa mereka perlu menunggu giliran terlalu lama di hospital kerajaan.

Tambahan pula, kelompok itu tidak mempunyai cukup simpanan atau skim insurans yang menyebabkan mereka tiada pilihan menanggung sakit dan tidak

Wujudkan tabung pesakit kronik

Oleh AHMAD
FAHILULLAH ADNAN
fahilullah.adnan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mewujudkan semula tabung untuk pesakit kronik bagi membantu golongan tidak berkemampuan mendapatkan rawatan di pusat-pusat perubatan swasta susulan masa menunggu di hospital kerajaan terlalu lama.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, tabung pesakit kronik dan bantuan hemodialisis sangat membantu terutamanya buat golongan yang tidak mempunyai pelan insurans perubatan.

UTUSAN Malaysia
kelmarin.

kembali sembuh sedikala.

Noor Azmi berkata, TPB yang ditubuhkan sejak 2005 memang diwujudkan untuk membantu



NOOR AZMI GHAZALI

“Buat masa ini, tiada tabung baharu secara khusus disediakan untuk pesakit kronik namun pertolongan disalurkan menerusi TBP.”

golongan rentan berkenaan terutama pesakit berstatus B40.

"Insya-Allah, tabung ini dapat membantu meringankan beban kewangan dengan membiayai pembayaran kos rawatan tinggi

termasuk pelbagai jenis penyakit kronik," jelasnya.

Bagaimanapun, jelasnya, pegawai sosial perubatan di hospital terbabit akan membuat penilaian kedudukan sosioekonomi pesakit yang memerlukan pertolongan itu bagi mengelak penipuan.

"Ia disemak teliti berdasarkan Garis Panduan Penilaian Sosio Ekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan Kementerian Kesihatan 2017 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21/2009. Permohonan tersebut boleh dibatalkan jika maklumat didapati palsu, atau pesakit sudah menerima tajaan selain rawatan tidak lagi diperlukan kerana sudah pun disahkan sembuh.

"Bagi permohonan yang melibatkan kos lebih RM3,000, pesakit berkenaan perlu ada surat pengesahan pendapatan dan beberapa dokumen sokongan lain untuk semakan latar belakang. Setakat ini dianggarkan lebih 60,000 pesakit di seluruh negara sudah menerima manfaat TPB bagi melunaskan sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, pembelian peralatan dan ubat," katanya.

Pembiayaan bantuan tabung tersebut melibatkan kes penyakit kardiologi, ortopedik, otorinolaringologi, rehabilitasi serta sembilan lagi disiplin yang disenaraikan oleh pihak Kementerian.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : DALAM NEGERI

Bantuan kewangan daripada kerajaan, orang awam sangat diharapkan

Elak pesakit kronik terus derita

Oleh AZMI NORDIN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Beribu pesakit kronik yang terlanter di rumah kerana tidak mampu mendapatkan rawatan terbaik akan terus menderita sehingga ke akhir hayat mereka jika tidak dibantu oleh kerajaan dan orang awam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pegawai Operasi (COO) MyFundAction, Siti Aisyah Shahid berkata, dalam kebanyakan kes, pesakit terbit memerlukan rawatan segera tetapi mereka tidak ada kemampuan dari segi kewangan.

"Selain rawatan pembedahan, mereka juga memerlukan keperluan kesihatan seperti set alat pembersih luka, susu nutrisi untuk orang sakit, lampin pakai buang dan juga peralatan perubatan seperti katil khas, kerusi roda, mesin peralatan perma-



SITI AISYAH SHAHID

fasan dan pemakanan," katanya.

Menurut Siti Aisyah, pihaknya yang terlibat dalam kerja-kerja kebajikan telah membantu 2,739 pesakit kronik yang terlanter di rumah dan memerlukan bantuan kewangan sejak awal tahun ini.

Katanya, pesakit yang dibantu itu menghidap pelbagai penyakit kronik antaranya barah,

lumpuh akibat kemalangan dan jantung dengan sebahagian besarnya terdiri golongan B40 yang tidak berkemampuan untuk menampung kos perubatan.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan tentang perlunya kerajaan mewujudkan semula tabung untuk pesakit kronik bagi membantu golongan tersebut mendapatkan rawatan perubatan yang terbaik dan pada kadar segera termasuk di hospital swasta.

Siti Aisyah berkata, usaha NGO tersebut yang menggerakkan kempen mengumpul dana awam berjaya meringankan beban pesakit dari segi kos perubatan yang mencecah sehingga ratusan ribu ringgit termasuk melakukan pembedahan.

"Kos yang diperlukan seperti pembedahan rata-rata antara RM50,000 hingga RM100,000 manakala buat pesakit yang memerlukan kemoterapi anggaran

kos adalah RM300,000," ujarnya.

Menurut Siti Aisyah, MyFundAction juga sudah mengendalikan lebih daripada 4,000 kes berkaitan pesakit terlanter yang menghidap pelbagai penyakit kronik di kediaman masing-masing sejak 2020.

"Tahun ini kami sasarkan sebanyak 375 pesakit dapat dibantu dengan nilai dana bantuan sebanyak RM15 juta iaitu kira-kira RM40,000 setiap seorang.

"Pada tahun lalu sasaran kami hanya tercapai sekitar 60 peratus kerana ada pesakit sendiri yang malu untuk mendapatkan bantuan dan tidak tahu di mana untuk meminta bantuan kesihatan.

"Sepanjang tahun 2020 kami membelanjakan RM3.8 juta membeli barangan perubatan dan pada 2021 sebanyak RM5.32 juta pula dibelanjakan untuk membantu pesakit yang terlan-

ter di kediaman masing-masing.

Tambahnya, cabaran utama organisasi berkenaan adalah mencari mereka yang memerlukan bantuan kerana masih banyak yang memerlukan tetapi tidak tahu, malah ada juga malu menerimanya.

"Rata-rata mereka malu dan kebanyakan hospital kerajaan tidak mengeluarkan data pesakit, kami kalau boleh nak bantu lebih ramai pesakit," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Koh Kar Chai berkata, pesakit yang terlanter tidak akan dikeluarkan daripada hospital begitu sahaja tetapi dirujuk ke unit kebajikan bagi mendapatkan bantuan.

"Kita memerlukan sistem penjagaan di rumah yang rapi buat pesakit, dengan ini rawatan dan kemasukan ke hospital dapat diminimumkan," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Revised mandatory quarantine rule

Health Ministry: Continue to practise preventive measures nonetheless

By **AUSTIN CAMOENS**
austin@thestar.com.my

PETALING JAYA: Quarantine for close contacts of Covid-19 cases will no longer be mandatory from today.

In a Twitter post, the Health Ministry announced that the new guideline would no longer distinguish between vaccinated and unvaccinated individuals.

But close contacts who develop Covid-19 symptoms are encouraged to quarantine and perform a Rapid Test Kit-Antigen (RTK-Ag) test on the first day they get sick.

This should be followed by another test on the third day.

"If the RTK-Ag result is negative and the symptoms have improved, there is no need to quarantine any more, but do practise preventive measures," the post said.

"Those who are asymptomatic

can skip the quarantine and Covid-19 tests, but should still practise preventive measures for at least five days," it added.

The preventive measures are to wear a face mask when leaving home, avoid crowded places, and ensure they stay in areas with good ventilation.

Additional preventive measures include avoiding visiting high-risk individuals and only travel for essential needs.

Recently, the health authorities said asymptomatic Covid-19 close contacts would no longer be required to undergo mandatory home quarantine, regardless of their vaccination status.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the new rule would come into effect from today.

Previously, only individuals who had received their booster shots were exempted from a home sur-



Mask up: Members of the public wearing face masks outdoors in Kuala Lumpur. — FAIHAN GHANI/The Star.

veillance order.

"Asymptomatic close contact individuals would still be required to wear face masks when they are

outdoors. Avoid visiting crowded places and high-risk groups, and only travel when necessary," the minister said, adding that sympto-

matic close contacts, however, would still be advised to self-isolate and undergo an RTK-Ag test upon the onset of symptoms and on the third day.

"If the symptoms persist, these patients should seek treatment at the nearest health facility," Khairy said.

Separately, Bukit Aman has denied that compound notices would no longer be issued to those not wearing face masks.

Federal Management Department director Comm Datuk Zaini Jass said the status quo remains.

"I can confirm that compound notices will still be issued to those not wearing face masks," he said when contacted.

He was commenting on a report on a news portal that had claimed compound notices would no longer be issued to those not wearing face masks.